



**EKSPLORASI VARIASI TUMBUHAN MALAR
HIJAU DALAM MEWUJUDKAN KELESTARIAN
PERSEKITARAN KAMPUS SULTAN AZLAN
SHAH, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN
IDRIS (UPSI)**



NAYLI BINTI AHMAD ZAKI

A221

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023





**EKSPLORASI VARIASI TUMBUHAN MALAR HIJAU DALAM
MEWUJUDKAN KELESTARIAN PERSEKITARAN KAMPUS SULTAN
AZLAN SHAH, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

NAYLI BINTI AHMAD ZAKI

A221

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN (SENI) DENGAN KEPUJIAN**

JABATAN SENI DAN REKA BENTUK

FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF

2023

PENGAKUAN

Saya mengakui kajian ini merupakan hasil kerja saya kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa penulisan berkenaan kajian ini belum diterbitkan atau diserahkan kepada mana-mana pihak.

Tandatangan :

Tarikh :

NAMA PENGKARYA : NAYLI BINTI AHMAD ZAKI

NO. MATRIK : D20191088948

PENGESAHAN PENGHANTARAN

Penulisan kajian ini telah disemak oleh:

Nama penyelia : DR. AZLIN IRYANI BINTI MD NOOR
Tandatangan :
Tarikh :
Cop rasmi :

Diterima penghantaran oleh:

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Nama penyelia : DR. ELIS SYUHAILA BINTI MOKHTAR
Tandatangan :
Tarikh :
Cop rasmi :



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang”

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera, Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin melafazkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran yang tidak terhingga ke atas hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua dapat saya menyiapkan kajian “Eksplorasi Variasi Tumbuhan Malar Hijau Dalam Mewujudkan Kelestarian Persekitaran Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)” ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih juga yang tidak terhingga ditujukan kepada Penyelaras Tahun Akhir iaitu Dr. Elis Syuhaila binti Mokhtar dan Penyelia Studio Reka Bentuk Landskap iaitu Dr Azlin Iryani binti Mohd Noor, pensyarah-pensyarah yang lain serta pereka-pereka studio di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan sokongan yang diberikan selama kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada ayah dan ibu saya yang berada di kampung halaman, En. Ahmad Zaki bin Idrus dan Pn. Anzan binti Muhmmad, seterusnya, adik-beradik, ahli keluarga serta rakan-rakan studio yang banyak menyokong dari segi sokongan moral mahupun kewangan yang telah diberikan. Kami juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang banyak membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, terutama rakan-rakan pelajar tahun akhir seperjuangan, di atas perbincangan serta perkongsian idea, sokongan dan bantuan yang membina di samping menyiapkan tugas ini. Semoga Allah menerima amal baik kita semua. InsyaAllah, penulisan tesis ini akan memberikan banyak manfaat kepada saya dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian di masa hadapan





PERNYATAAN PERIBADI

‘Eksplorasi Variasi Tumbuhan Malar Hijau Dalam Mewujudkan Kelestarian Persekitaran Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)’ merupakan sebuah reka bentuk landskap moden yang mempunyai pengumpulan dan pemeliharaan pelbagai jenis tumbuhan. Taman ini berinspirasi taman botani yang menekankan kepelbagaian flora dan fauna dengan reka bentuk moden. Taman botani merupakan sebuah taman, biasanya dibuka kepada orang ramai, di mana pelbagai jenis tumbuhan ditanam untuk tujuan saintifik dan pendidikan. Taman ini akan mengandungi pelbagai jenis flora dan juga fauna serta elemen-elemen reka bentuk moden. Sebagai contoh, konservatori/rumah hijau, botanical pavilion dan sebagainya. Pengkarya berharap reka bentuk landskap ini dapat memberi kesan kepada alam sekitar yang mampan dan sekaligus memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pemuliharaan tumbuhan. Taman yang berasaskan alam semula jadi ini diharapkan dapat menjadikan UPSI sebagai kampus dalam taman. Selain itu juga dapat mewujudkan jenis persekitaran pemulihan yang khusus dan juga mempunyai fungsi sosial yang relevan untuk menggalakkan gaya hidup yang lebih mampan dalam masyarakat semasa.





ABSTRAK

Kajian ini telah dipilih untuk mengkaji tentang “Eksplorasi Variasi Tumbuhan Malar Hijau Dalam Mewujudkan Kelestarian Persekitaran Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)”. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji elemen dalam reka bentuk landskap berkonsepkan kelestarian semulajadi dalam persekitaran kampus, menghasilkan cadangan reka bentuk landskap dengan merangkumi 5 fasa iaitu analisis dan inventori tapak cadangan, kajian visual, kajian konsep, penghasilan pelan induk dan penghasilan model 3D dan membangunkan sebuah model 3D reka bentuk landskap berkonsepkan kelestarian semula jadi dalam persekitaran kampus berdasarkan tema yang diberikan. Kajian ini akan menggunakan kaedah kajian studio, kaedah kajian lapangan, kaedah pengumpulan data dan analisis data. Pengkarya berharap melalui penulisan ini, ia dapat membawa perubahan yang positif kepada warga UPSI mengenai keindahan kelestarian tumbuh-tumbuhan yang wujud di persekitaran kampus.



ISI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	i
PENGESAHAN PENGHANTARAN	ii
PENGHARGAAN	iii
PERNYATAAN PERIBADI	iv
ABSTRAK	v
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI GAMBAR	ix

BAB 1: PENGENALAN

MUKA SURAT

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Isu/ Permasalahan Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Persoalan Kajian	4
1.5	Signifikan Kajian	5
1.6	Metodologi Kajian	6

1.6.1	Kaedah Praktis Studio Dalam Penghasilan Model Reka Bentuk Landskap	7
-------	--	---

1.7	Carta Perbatuan	7
-----	-----------------	---

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1	Bacaan Konteks Teori	12
-----	----------------------	----

2.1.1	Teori Kreativiti Laura Chapman	12
-------	--------------------------------	----

2.1.2	Teori Kajian Manusia Dan Landskap	15
-------	-----------------------------------	----

2.2	Kaedah Praktis Studio	16
-----	-----------------------	----

2.3	Kaedah Kajian Pustaka	18
-----	-----------------------	----

2.4	Projek dan Pereka Rujukan	19
-----	---------------------------	----

2.4.1	Projek Rujukan 1 - River of Live, Kuala Lumpur, Malaysia	19
-------	--	----

2.4.2	Projek Rujukan 2 – Raia Hotel & Convention Centre, Kuching, Sarawak	21
-------	---	----

2.4.3	Projek Rujukan 3 – Supertrees, Garden by the Bay, Singapore	23
-------	---	----

2.4.4	Projek Rujukan 4 – Manav Sadhna, Ahmedabab, India	25
-------	---	----

2.4.5	Projek Rujukan 5 – The Zig Zag House, United States	27
-------	---	----

2.4.6	Projek Rujukan 6 – Casamia Community House, Cam Thanh, Vietnam	28
-------	---	----

BAB 3 : KAJIAN STUDIO

3.1	Kaedah Kajian Visual	31
3.2	Penjanaan Idea	34
3.3	Konsep Reka Bentuk – Tumbuhan atau <i>Vegetation</i>	36

BAB 4 : PRAKTIS STUDIO DALAM REKA BENTUK LANDSKAP

4.1	Konsep Reka Bentuk Kelestarian dan <i>Vegetation</i>	40
4.2	Eksperimentasi Teknik dan Bahan	42
4.3	Pemilihan Bahan dalam Penghasilan Model 3D	44
4.4	Proses Kreatif (Proses Penghasilan Model)	46
4.4.1	Analisis dan Inventori Tapak Kajian	48
4.4.2	Penghasilan Pelan Asas	51
4.4.3	<i>Bubble Diagram</i>	52
4.4.4	Pelan Konsep	60
a)	Merancang Pelan Penanaman	61

4.4.5	Pelan induk dan perincian	61
4.4.6	Membangunkan Model 3D	62
4.5	Model Reka Bentuk Landskap ' <i>Design with Nature</i> '	66

BAB 5 : PENUTUP & CADANGAN

5.1	Pengenalan	73
5.2	Penutup	73
5.3	Cadangan	75

BIBLIOGRAFI

77

LAMPIRAN

79

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 1 : Carta Perbatuan	11
Rajah 2: Teori Kreativiti Laura Chapman	14
Rajah 3: Kontinum	15

Rajah 4: Komponen Praktikal Dalam Reka Bentuk Landskap	18
Rajah 5: Proses Penghasilan Karya Dalam Bidang Reka Bentuk	31

SENARAI GAMBAR

NO. RAJAH	MUKA SURAT
Gambar 1: Tiarasa Escape Glamping Resort, Pahang	19
Gambar 2: Suasana malam di Tiarasa Escape Glamping Resort, Pahang	20
Gambar 3: Taman Botani Shah Alam	21
Gambar 4: Peta Pengembaraan Taman Botani Shah Alam	22
Gambar 5: Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur	23
Gambar 6: Laman Perdana, Taman Botani Perdana	24
Gambar 7: Miniature Model Projek Ladang Ternakan Lembu	25
Gambar 8: Bridget Gillespie GM	26
Gambar 9: Salah satu karya Bridget Gillespie GM	27
Gambar 10: Mayumi Ishii bersama karyanya, Roses yang memenangi Pingat Emas di RHS Lindley Hall pada Februari 2017	28

Gambar 11: <i>Planting beds</i> , Masjid Jamek Sultan Abdul Samad	32
Gambar 12: <i>Planting beds</i> , <i>River of Life</i>	32
Gambar 13: Elemen (jambatan), <i>River of Life</i>	33
Gambar 14: Tapak asal (tempat letak kereta), Dewan Tuanku Canselor, UPSI	33
Gambar 15: Dewan Tuanku Canselor, UPSI	33
Gambar 16: Elemen teduhan (kanopi), <i>River of Life</i>	34
Gambar 17: Papan <i>plywood</i> dan kayu	44
Gambar 18: <i>Modeling board</i>	44
Gambar 19: <i>Balsa wood</i>	45
Gambar 20: <i>Polysterene foam</i>	45
Gambar 21: <i>Paper clay</i>	45
Gambar 22: <i>Mounting board (white)</i>	45
Gambar 23: Serbuk pokok tiruan	45
Gambar 24: Span bunga	45
Gambar 25: Gunting dan gam silikon	46
Gambar 26: <i>Epoxy resin</i>	46
Gambar 27: Kawasan DTC, UPSI KSAS	47

Gambar 28: Tumbuhan di kawasan DTC, UPSI KSAS	48
Gambar 29: Saliran longkang dan jenis tanah di kawasan DTC, UPSI KSAS	48
Gambar 30: Tapak kajian (parking lot)	48
Gambar 31: Pelan asas tapak kajian	49
Gambar 32: Analisis dan Inventori tapak kajian	49
Gambar 33: Tapak yang dipilih	50
Gambar 34: Pelan asas tapak yang dipilih (hijau) berukuran 55m x 40 m	51
Gambar 35: <i>Bubble Diagram</i> kajian	51
Gambar 36: <i>Rain Garden</i> dari pandangan sisi	52
Gambar 37: Lakaran awal pavement	53
Gambar 38: Lakaran awal	53
Gambar 39: Lakaran awal elemen kerusi	54
Gambar 40: Lakaran <i>conservatory and butterfly house</i> (bahagian dalam)	54
Gambar 41: Lakaran awal <i>amphitheatre</i>	55
Gambar 42: Lakaran bunga <i>Rockrose (white)</i>	55
Gambar 43: Lakaran bunga <i>Ixora</i>	56

Gambar 44: Lakaran daun pandan	56
Gambar 45: Lakaran bunga <i>Rockrose (yellow)</i>	57
Gambar 46: Lakaran pintu gerbang utama	57
Gambar 47: Lakaran awal <i>planting bed</i>	58
Gambar 48: Lakaran awal elemen jambatan	58
Gambar 49: Pelan konsep	59
Gambar 50: Planting plan	60
Gambar 51: Pelan Induk	61
Gambar 52: Proses penghasilan tapak	62
Gambar 53: Proses penghasilan elemen	63
Gambar 54: Proses penghasilan elemen	64
Gambar 55: Video penghasilan model 3D	64
Gambar 56: Gambar model daripada pelbagai sisi	66
Gambar 57: Ruang Dari Pelbagai sisi	66

BAB 1

PENGENALAN

Pengenalan

Bab ini akan membincangkan secara ringkas mengenai latar belakang kajian yang berkaitan dengan reka bentuk landskap *‘Eksplorasi Variasi Tumbuhan Malar Hijau Dalam Mewujudkan Kelestarian Persekitaran Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)’*. Selain itu, bab ini juga menerangkan mengenai pernyataan isu, objektif kajian, persoalan kajian, garis panduan projek, signifikan kajian dan carta perbatuan penyelidikan dan praktis studio.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kursus Projek Tahun Akhir MSR3996 merupakan kursus wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni dengan kepujian (ISMP Seni). Kursus ini berfokus kepada pengetahuan penyelidikan studio ke dalam proses penghasilan penyelidikan. Seterusnya, kursus ini juga memerlukan mahasiswa dan mahasiswi tahun akhir ISMP Seni untuk menterjemah aspek-aspek pengetahuan dan pengumpulan maklumat menerusi konsep pembelajaran sepanjang hayat dengan

menjelaskan perkembangan kreativiti dalam kajian berasaskan portfolio. Seramai 95 mahasiswa dan mahasiswi ISMP Seni melibatkan diri dalam pameran akhir secara bekerjasama dan menunjukkan nilai-nilai keperibadian intelektual dan kreativiti masing-masing. Tema bagi Projek Tahun Akhir pelajar A221 ditentukan oleh pensyarah penyelia studio masing-masing. Oleh itu, bagi studio reka bentuk landskap yang diselia oleh Dr. Azlin Iryani binti Mohd Noor tema yang diberikan ialah 100 tahun UPSI-*education-public art park-sustainable ecosystem*.

1.2 Isu / permasalahan Kajian

Pengkarya ingin mengupas isu kajian alam sekitar yang memberi implikasi terhadap flora, fauna dan masyarakat majmuk menerusi reka bentuk landskap berinspirasikan taman botani bagi membantu kesedaran terhadap kelestarian dengan lebih efektif.

Alam sekitar merupakan faktor penting dalam menentukan kesejahteraan dan kualiti hidup manusia. Menurut Samsudin et.al (2022), perkembangan pesat tamadun manusia terhadap dunia sains dan teknologi ini menyebabkan manusia leka dalam menjalankan tanggungjawab memelihara alam sekitar. Masyarakat hari ini terutamanya generasi muda sudah mula terkesan daripada aktiviti tersebut. Selain itu, pandemik yang melanda negara juga merupakan salah satu penyumbang kepada masalah alam sekitar. *“The Covid-19 pandemic has made things worse. More than 10 million single-use face masks are disposed of every day, intensifying the environmental impact and threatening our rich biodiversity.”* (Fadly Bakhtiar, 2021).

Dalam kajian ini, pengkarya menekankan konsep *vegetation* di dalam model 3D reka bentuk landskap *‘Eksplorasi Variasi Tumbuhan Malar Hijau Dalam Mewujudkan Kelestarian Persekitaran Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti*

Pendidikan Sultan Idris (UPSI)’. Menurut Eddy van der Maarel dan Janet Franklin, 2013, *vegetation* boleh ditakrifkan sebagai sistem tumbuh-tumbuhan yang tumbuh secara spontan. Oleh itu, pengkarya membuat keputusan untuk mengkaji jenis-jenis tumbuhan konservatif untuk diletakkan di dalam model. Salah satu elemen yang ada di dalam model 3D tersebut adalah konservatori di mana ia merupakan tempat penyimpanan tumbuh-tumbuhan yang terpelihara termasuklah tumbuhan ubatan dan herba. Melalui model yang dipamerkan ini, pengunjung boleh menimba pelbagai ilmu mengenai tumbuh-tumbuhan konservatif sambil mengasah pemikiran kreatif dan inovasi mereka.

Alam dan ilmu tidak dapat dipisahkan kerana melalui alam, pengetahuan berkembang. Alam semula jadi juga diperkaya dengan aplikasi pengetahuan yang baik. Pengkarya membuat keputusan untuk menghasilkan taman yang berkonsepkan hijau serta memberi impak kelestarian terhadap tumbuhan serta para pengunjung. Konsep “Universiti Dalam Taman” merupakan inisiatif yang baik bagi membangunkan pusat pembelajaran dan rujukan bagi biodiversiti, fenologi, etnobotani, biologi haiwan dan tumbuhan termasuklah spesies yang terdapat di Malaysia. Melalui inisiatif ini, warga UPSI bukan sahaja dapat tempat untuk melepaskan tekanan, malah dapat juga memperoleh pengetahuan mengenai pelbagai spesies tumbuh-tumbuhan yang ada di dalam taman ini.

1.3 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif yang telah diketengahkan dalam kajian ini antaranya ialah:

- 1.3.1 Mengkaji elemen dalam reka bentuk landskap berkonsepkan kelestarian semulajadi dalam persekitaran kampus.
- 1.3.2 Menghasilkan cadangan reka bentuk landskap dengan merangkumi 5 fasa iaitu analisis dan inventori tapak cadangan, kajian visual, kajian konsep, penghasilan pelan induk dan penghasilan model 3D.
- 1.3.3 Membangunkan sebuah model 3D reka bentuk landskap berkonsepkan kelestarian semula jadi dalam persekitaran kampus berdasarkan tema yang diberikan.

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan yang telah diketengahkan dalam kajian ini antaranya ialah:

- 1.4.1 Apakah elemen dalam reka bentuk landskap berkonsepkan kelestarian semulajadi dalam persekitaran kampus?
- 1.4.2 Bagaimanakah penghasilan cadangan reka bentuk landskap dengan merangkumi 5 fasa iaitu analisis dan inventori tapak cadangan, kajian visual, kajian konsep, penghasilan pelan induk dan penghasilan model 3D dijalankan?
- 1.4.3 Bagaimanakah sebuah model 3D reka bentuk landskap berkonsepkan kelestarian semula jadi dalam persekitaran kampus berdasarkan tema yang diberikan.

1.5 Signifikan Kajian

Melalui kajian ini, penghasilan model “Eksplorasi Variasi Tumbuhan Malar Hijau Dalam Mewujudkan Kelestarian Persekitaran Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)” dapat memberi impak kepada masyarakat terutamanya warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Hal ini dikatakan demikian kerana UPSI telah menyambut usianya yang ke-100. "Sambutan 100 tahun sangat bermakna kerana menghamparkan kenangan dan sumbangan warga institusi pendidikan tersohor ini sejak zaman SITC, MPSI, IPSI dan sehingga ke era UPSI. Sepanjang empat era itu, ramai tokoh kepimpinan, kebahasaan, kesusasteraan, keusahawanan kesukanan serta kesukarelawanan dilahirkan, sekali gus mengharumkan nama institusi yang dikenali sebagai Ibu Kandung Suluh Budiman ini," (Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, 2022).

Bagi melihat Anak Kandung Suluh Budiman berjaya dan melihat anak-anak murid mereka mencapai kejayaan yang lebih tinggi adalah satu pencapaian yang besar buat pihak UPSI. UPSI sudah melakukan yang terbaik untuk melahirkan graduan yang berfikiran kritis, inovatif, bijak dan berkebolehan tinggi dalam kepimpinan. Hal ini secara tidak langsung dapat menyediakan graduan UPSI dalam dunia pekerjaan yang semakin kompetitif. 100 tahun SITC – MPSI – IPSI – UPSI, memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat dan rakyat Malaysia merenung sejarah, meraikan pencapaian pendidikan semasa kita, dan membayangkan masa depan UPSI untuk generasi akan datang. Pengkarya berharap pengunjung taman “Eksplorasi Variasi Tumbuhan Malar Hijau Dalam Mewujudkan Kelestarian Persekitaran Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)” dapat mencipta kenangan, mengimbau nostalgia dan menghargai sejarah pembentukan UPSI.

Konsep kampus dalam taman yang dilakukan ini dapat menunjukkan hubungan akrab di antara peranan dan fungsinya sebagai pengajian tinggi dalam persekitaran

taman yang segar. Tumbuhan juga dapat membantu menjimatkan tenaga dengan menggunakan reka bentuk semula jadi. Bukan sahaja tumbuhan yang sedia ada menggunakan sumber dengan cekap, malah tumbuh-tumbuhan baharu boleh ditambah, dialihkan atau dialih keluar untuk memanfaatkan ruang dengan sebaik-baiknya. Terdapat beberapa jenis tumbuhan yang ada di taman ini, antaranya ialah pokok teduhan, tanaman penutup bumi, tanaman dalam air, tanaman malar hijau, tanaman hiasan, tanaman sayuran, tanaman herba, dan banyak lagi.

Tambahan pula, sesetengah tumbuhan dianggap sebagai sumber khasiat yang penting, dan akibatnya, sesetengah tumbuhan dicadangkan untuk sifat perubatannya. Halia, teh hijau, kacip fatimah, tongkat ali dan misai kucing adalah antara tumbuh-tumbuhan yang ada di taman ini. Susulan taman yang berinspirasi taman botani ini pengkarya juga berharap warga UPSI menikmati sebuah lokasi atau tempat yang spesifik apabila mereka mempunyai tekanan kerja bagi melepaskan stres dan hadapi hidup di kampus dengan lebih tenang.

1.6 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan salah satu cara untuk mendapatkan maklumat. Melalui kajian ini, pengkarya menggunakan kaedah kajian lapangan, kaedah pengumpulan data dan analisis data. Pengkarya menjalankan analisis visual di persekitaran kawasan Kuala Lumpur iaitu, River of Life, Pasar Seni, Masjid Jamek, Taman Botani Perdana. Selain itu, pengkarya juga membuat kajian analisis tapak dan inventori pada tapak kajian yang dipilih iaitu di Dewan Tuanku Canselor, UPSI. Seterusnya, pengkarya juga membuat kajian pustaka iaitu buku, surat khabar, jurnal dan artikel. Sumber daripada internet juga digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai reka bentuk landskap

“Eksplorasi Variasi Tumbuhan Malar Hijau Dalam Mewujudkan Kelestarian Persekitaran Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)”.

1.6.1 Kaedah Praktis Studio Dalam Penghasilan Model Reka Bentuk Landskap

Dalam kajian ini, pengkarya menggunakan reka bentuk kajian yang berasaskan praktis studio dalam penghasilan reka bentuk landskap. Kaedah kajian ini diperkenalkan oleh Sullivan di mana kajian ini dijalankan melalui aktiviti refleksi, kontekstual dan reflektif menerusi tinjauan pendekatan konteks isu, komponen isu dan interpretasi isu.

1.7 Carta Perbatuan

Carta Perbatuan adalah sejenis carta bar yang digunakan untuk mempamerkan jadual projek secara visual. Ia digunakan dalam aktiviti pengurusan projek untuk memaparkan aktiviti projek, tugas dan peristiwa terhadap masa. Carta ini menerangkan berkenaan dengan proses pelaksanaan penhasilan karya mengikut tempoh dan masa yang telah ditetapkan iaitu selama 20 minggu. Berikut merupakan carta perancangan yang dirancang yang bermula dari minggu satu sehingga minggu dua puluh:

PERKARA	MINGGU																			
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
Pemilihan atau penentuan tema dan isu kajian																				



bersama penyelia.																			
Proses pencarian idea.																			
Proses pemilihan tema, isu kajian serta idea yang digunakan.																			
Proses mencari projek rujukan.																			
Proses pengumpulan sumber idea.																			
Proses pemilihan idea dan lakaran.																			
Membuat pelan analisis tapak.																			
Membuat pelan konsep.																			
Penilaian FYP pertama oleh penyelia dan penilai dalaman.																			
Eksperimentasi bahan/media.																			
Proses pemilihan pelan																			





konsep.																		
Penulisan FYP																		
Penilaian FYP ke-2 oleh penyelian dan penilai dalaman.																		
Melukis pelan asas mengikut skala.																		
Membuat lakaran awal pelan induk (<i>master plan</i>)																		
<i>Mock up</i>																		
Mewarna pelan induk																		
Menghasilkan model Reka Bentuk Landskap																		
Menyiapkan model sepenuhnya.																		
Penulisan FYP																		
Pra pameran oleh penyelia dan penilai dalaman.																		





Portfolio FYP																			
Persiapan pameran FYP.																			
Pengumpulan peralatan pameran.																			
Penghantaran model ke dewan SITC menaiki kereta																			
Majlis Perasmian Pameran Artchemist.																			
Penilaian Akhir FYP oleh penyelia.																			
Penilaian Akhir FYP oleh penilai luar.																			
Penilaian Akhir FYP oleh penilai dalaman.																			
Majlis penutup pameran Artchemist dan dinner FYP																			
Sesi fotografi model Reka																			



Bentuk Landskap untuk dimasukkan ke dalam buku katalog FYP																		
Mengemas dan membersihkan ruang pameran dan penghantaran karya kembali ke studio menaiki lori UPSI																		
Penghantaran penulisan FYP ke Myguru																		
Penghantaran tesis berjilid kepada penyelaras.																		

Rajah 1 : Carta Perbatuan